Nama : _____ Kelas : _____ Tarikh : _____

Hikayat Awang Kamaruddin

Sinopsis Bab 6 – Gerak Panggilan

Arahan : Pilih jawapan yang betul di dalam kotak dan isikan pada tempat kosong yang disediakan.

Angin	Si Kabul	TPBKJ	13 orang	Betara Kali
Hujan	Tuan Puteri Si Raksasa	Si Marak Jantan	Awang Kamaruddin	Pangau Gading
Si Kiarong	Kampong Beribi	Negeri Jawa	Si Timbul	Anak Batu Pertapaan TPBBIS
Raja Jin Tujuh Seperadian	Bukit Sinarubai	Bukit Si Guntang	Awang Bongsu Sukaim	
Tuan Pemagat Bongsu Baginda Indera Sakti	gerak panggilan	Kampong Kiarong	keris	tujuh	TPBBIS

Mengisahkan tentang Dang Kumala yang tinggal di dalam (1) _____ sembilan ringkat di Istana Besar di (2) _____. Semasa muda DK pernah menuntut ilmu bersama abangnya kepada (3) _____ di (4) _____. DK dipanggil cucu oleh Raja Jin Tujuh Seperadian dan diajarkan habis segala ilmu oleh gurunya dan dikatakan DK lebih handal daripada abangnya kerana abangnya tidak diajarkan habis ilmu oleh Raja Jin Tujuh Seperadian. Gerak panggilan yang dihantar (5) _____ dapat diterima oleh adiknya DK yang kebetulan ketika itu sedang dikunjungi oleh sepupu-sepupunya. Melalui gerak itu, DK dapat mendengar suara AK memanggilnya dan memahami bahawa abangnya yang berada di (6) _____ memerlukan bantuannya.

DK kemudian menyuruh (7) _____ pergi ke perantaraan (8) _____ dengan (9) _____ memanggil sepupunya-sepupunya. Manakala (10) _____ pula disuruhnya ke Lubuk Tabur memanggil (11) _____ supaya mereka pergi bersama-sama dengan DK.

DK berserta (12) _____ orang sepupunya menukar diri menjadi burung iaitu ada yang menjelma menjadi burung (13) _____, Si Marak Nuri dan Si Jamba Wali. Setibanya mereka di tempat AK berperang, mereka pun terus memerangi bala tentera (14) _____ (TPBBIS). Awang Bongsu Sukaim berjaya membunuh banyak pengikut TPBBIS manakala Dang Siti Noralam berjaya membunuh anak (15) _____ tiga beradik.

Dang Bongsu pula yang mengetahui kelemahan TPBBIS telah mengajak Dang Kumala pergi ke Bukit Si Guntang-Guntang iaitu tempat pertapaan TPBBIS untuk mencari (16) _____. Untuk pergi ketempat yang dimaksudkan Dang Bongsu menukarkan dirinya sebagai (17) _____ _____ manakala Dang Kumala pula menukarkan dirinya menjadi (18) _____ agar mudah dan cepat sampai ketempat yang mereka hajati.

Setelah berjaya mencari Anak Batu Pertapaan TPBBIS, mereka kembali ketempat AK. Namun, DK bertindak nekad untuk mengilir (19) _____ AK dengan Anak Batu Pertapaan TPBBIS. TPBBIS tumbang (pengsan) selepas ditikam sebanyak (20) _____ kali berturut-turut dengan kepalanya jatuh di pangkuan AK. Kemudian TPBBIS dihidupkan kembali oleh AK atas permintaan DK dan akhirnya TPBBIS dan para pengikutnya pun pulang ketempat masing-masing. Manakala DK berserta 13 sepupunya pula pulang ke Negeri Timur.

"Sastera Warisan Bangsa, Jati Diri Kita"

MARKAH : _____ / 20

LIVEWORKSHEETS

Nama : _____ Kelas : _____ Tarikh : _____

Hikayat Awang Kamaruddin

Sinopsis Bab 7 – Mulih ke negeri Timur

Arahan : Pilih jawapan yang betul di dalam kotak dan isikan pada tempat kosong yang disediakan.

Awang Kamaruddin	negeri Jawa	Tuan Puteri Permaisuri	intan Mas Surai	Tuan Pemagat Bongsu Baginda Indera Sakti
Tuan Puteri Bongsu Kumala Jawa	pulang	Raja Muda Indera Bongsu	Dang Kumala	berperang

Bab 7 mengisahkan sambungan kisah bab 6. Setelah selesai (1) _____, (2) _____ kembali ke istana (3) _____. Dia disambut, dicium dan dipeluk oleh (4) _____ intan Mas Surai. Tuan Puteri Permaisuri Intan Mas Surai bertanyakan khabar Tuan Pemagat Bongsu Baginda Indera Sakti. Awang Kamaruddin menjelaskan Tuan Pemagat Bongsu Baginda Indera Sakti selamat dan sudah (5) _____ ke negerinya.

Hiduplah Awang Kamaruddin bersama (6) _____ di (7) _____ dengan bahagia. Tidak berapa lama kemudian, Awang Kamaruddin pun membawa (8) _____ pulang ke negeri Timur. (9) _____ ikut pulang untuk meminang (10) _____.

"Sastera Warisan Bangsa, Jati Diri Kita"

MARKAH : _____ / 10

LIVEWORKSHEETS